

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN PAMIRAN LUKISAN PEMANDA-
NGAN DI BALAI SENI LUKIS NEGARA, JALAN
AMPANG, KUALA LUMPUR PADA 17^{HB}
NOVEMBER, 1972

Pengerusi Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara,¹ Dif-dif
yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya sangat sukacita kerana dapat bersama-sama petang ini
menyaksikan Pamiran Lukisan Pemandangan atau Landscape
Painting ini dan merasmikannya.

Awal minggu ini saya berpeluang memerhatikan makhluk alam
semula jadi di Aquarium baru dan kali ini pula menikmati
pemandangan alam semula jadi yang dipindahkan kebudayaan di
masa yang lampau dan sekarang. Karya-karya yang dipamerkan
hari ini adalah hasil usaha penting dan bernilai.

Langkah Balai Seni Lukis Negara mengembalikan minat kita
kepada alam semula jadi sungguh kena pada masanya. Masa ini
kita mengalami perkembangan yang pesat dalam usaha meninggi-
kan taraf hidup rakyat dan semasa kita mencapai kemajuan
kebendaan yang lebih tinggi, kita tidaklah seharusnya kehilangan
minat terhadap alam semula jadi dan natural environment kita
yang biasanya diabaikan keselamatannya oleh desakan-desakan
kemajuan.

Kita semua maklum, negara-negara yang tidak memperdulikan
environment mereka pada suatu masa dulu menghadapi ancaman
kecemaran alam atau pollution yang telah dibiarkan berlaku terlalu
lama. Soal menyelamatkan environment ini bukanlah tanggung-
jawab Kerajaan semata-mata. Dan bukan menjadi bebanan ahli
sains, ecologist dan sebagainya. Seharusnya masalah ini patut-
lah menjadi tanggungjawab semua rakyat yang cintakan negara kita
dan yang ingin menjaminkan alam yang lebih bersih dan nyaman
untuk jenerasi akan datang. Saya berharap seniman kita yang

¹ Professor Ungku Aziz.

sensitif dan yang sentiasa sedar tentang keperluan rohaniah kita akan memainkan peranan yang penting dalam membawa kesedaran tentang pentingnya environment yang bersih kepada kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Peranan Balai Seni Lukis amat penting dalam sebuah negara yang membangun. Semasa Balai ini menimbangkan soal-soal melibatkan masyarakat dari semua golongan, ia juga bertanggungjawab memandu dan menetapkan standard yang wajar dalam tugas-tugasnya seperti menghakimkan pameran ini. Ini adalah satu peranan yang agak bertelingkah, kerana standard yang ditentukan oleh Balai ini mesti menerima kepercayaan dan keyakinan bukan saja di kalangan pelukis-pelukis di negara kita sendiri, tetapi juga di luar negeri apabila negara kita mengambil bahagian dalam pameran antarabangsa. Tegasnya, Balai Seni Lukis Negara tidak harus mengecualikan sesiapa pun.

Oleh kerana itu, kekuatan pertubuhan ini adalah bergantung kepada kebijaksanaan dan keahlian anggota Lembaga sendiri. Saya sukacita mendengar bahawa Lembaga ini mengutamakan peranan mendidik dan mengurangkan Seni Lukis Negara tidaklah dapat dinafikan. Oleh itu tanggungjawab ini hendaklah dipikul bersama oleh masyarakat supaya statusnya adalah benar-benar bermakna.

Satu daripada perkara-perkara yang ingin ditekankan ialah tidak bermakna sekiranya Balai ini semata-mata bergantung kepada Kerajaan dalam soal kewangannya. Semua Balai Seni Lukis Negara yang maju di dunia ini adalah mendapat penyertaan yang penuh oleh masyarakat. Sumber wangnya datang daripada sumbangan orang-orang hartawan yang membina Trust Fund atau Tabung Khas untuk satu-satu projek yang tertentu seperti untuk pembelian karya-karya dan sebagainya. Bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada suatu Foundation yang telah menderma sebanyak \$250,000 untuk tabung bangunan Balai Seni Lukis Negara manakala satu Foundation yang lain menjanjikan \$300,000 bagi tujuan yang sama. Saya berharap lebih banyak lagi hartawan-hartawan yang akan tampil ke hadapan untuk mengikuti contoh ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebelum saya mengisytiharkan pembukaan pameran ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua mereka yang berjaya memasuki pameran ini sama ada mereka memenangi hadiah atau tidak. Kepada mereka yang tidak berjaya untuk memasuki Pameran kali ini, saya harap mereka tidak akan putus asa tetapi akan sentiasa berusaha dengan lebih giat lagi dalam masa yang akan datang.

Seterusnya saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara yang telah menjemput saya untuk membukanya. Saya berharap pameran yang penting ini akan mendapat sambutan yang baik daripada penuntut-penuntut bukan saja dari sekitar Kuala Lumpur tetapi juga dari seluruh negara. Dengan itu, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Pameran Pemandangan Alam Malaysia ini dibuka.